

# Lebih 400 warga JPM hadir Majlis Ihya' Ramadan bersama Anwar

**Putrajaya:** Lebih 400 warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) menghadiri Majlis Ihya' Ramadan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Perdana Putra di sini, tengah hari semalam.

Majlis turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sham-sul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

ia adalah Majlis Ihya' Ramadan pertama yang dihadiri Perdana Menteri, yang dijadual akan diadakan di 12 kementerian sepanjang Ramadan kali ini.

Majlis dimulakan dengan penyampaian tazkirah Ramadan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Prof Madya Datuk Dr Luqman Abdullah, bertajuk "Puasa dan Hikmah Madani: Keseimbangan antara Material dan Spiritual."

Pada tazkirah berkenaan, Luqman menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan Perdana Menteri dalam perjumpaan bersama pengurusan tertinggi kementerian dan agensi sebelum majlis itu, berhubung kepentingan umat Islam negara ini untuk maju ke depan dalam isu agama.

"Saya cukup terkesan dengan taklimat tadi, yang mana kita perlu berbicara perkara yang lebih tinggi standardnya dan tidak lagi terperangkap dan berbalah dalam hal kecil, yang tidak bawa ke mana," katanya.

Mengambil contoh penentuan awal Ramadan, terdapat pelbagai pandangan mengenainya kerana ia boleh ditentukan melalui sistem hisab, rukyah dan imkanur rukyah, seperti diamalkan di Malaysia.

"Tidak mungkin kita cari satu pandangan apabila kaedahnya berbeza. Kita boleh bersatu dalam satu perkara kalau kaedah sama diguna pakai, tapi jika manhaj berbeza, akan bawa perbezaan dalam pandangan," katanya.

Pada masa sama, Luqman turut mengajak hadirin supaya melebihi amalan pada Ramadan, termasuk solat berjemaah, Qiamullail dan tadarus al-Quran.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menunaikan solat Zuhur secara berjemaah, yang diimamkan Luqman.

Beliau turut meluangkan masa bersalaman dan beramah mesra bersama warga JPM.